

Tun M persoal kenapa perlu isytihar darurat

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Tan Sri Muhyiddin Yassin memohon pengisytiharan darurat sebagai cubaan menyekat kebebasan suara rakyat.

Beliau menyifatkan tindakan Perdana Menteri itu sebagai aneh.

“Setakat ini, kita tak tahu apa makna darurat? Apakah ini bermakna rakyat tidak boleh buat itu dan ini, tak boleh bercakap, malah tak boleh lagi tegur silap kerajaan,” katanya sinis.

Beliau yang juga Pengerusi Lembaga Amanah *Human Life Advancement Foundation* berkata demikian selepas melancarkan portal jualan herba tempatan, Herbee di sini semalam.

Keputusan darurat sehingga Ogos ini diperkenan Yang di-Pertuan Agong selepas Muhyiddin mempersembah maklum keputusan mesyuarat Kabinet dan mengambil kira rundingan Seri Paduka Baginda dengan mendapat perkenan Raja-Raja Melayu kelmarin.

Mahathir mendakwa, pengisytiharan itu kemungkinan akan membawa kepada tiada persidangan Parlimen dalam tempoh itu.

“Sebaliknya semua undang-undang hanya akan dibuat mel-



MAHATHIR MOHAMAD

alui perintah dekri, namun kita belum tahu setakat mana penguatkuasaan darurat terhadap kebebasan rakyat,” katanya.

Bagaimanapun, beliau menyindir kerajaan Perikatan Nasional (PN) kerana mendakwa tanpa darurat, pentadbiran Muhyiddin ada cukup kuasa bagi menangani Covid-19.

Di Malaysia jelasnya, rakyat begitu patuh kepada segala arahan kerajaan apabila disuruh buat itu dan ini termasuk duduk di rumah apabila diumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Orang kita bukan macam di Eropah atau Amerika Syarikat yang rakyatnya bangkit bantah kerajaan kalau ada apa-apa sekatan termasuk *lock-down* (perintah berkurung),” katanya.